

25/06/2001

Keputusan mesyuarat MCA perlu dihormati

BERBANDING akhbar berbahasa lain, akhbar Cina lazimnya selama ini berasakan ia lebih bebas. Perkiraan mereka amat mudah dengan menganggap ruang liputan lebih luas untuk parti pembangkang serta keberanian memainkan isu perkauman sebagai ukurannya. Dalam pada itu, Nanyang Siang Pau dan China Press tidak boleh mendakwa kedua-duanya amat bertanggungjawab dalam keutamaan laporan masing-masing. Di sebalik keadaan itu, kedua-dua akhbar berkenaan masih beruntung kerana jarang sekali dipertanggungjawabkan. Bagaimanapun, amaran keras Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin adalah isyarat jelas bahawa kedua-dua akhbar itu tidak akan selamanya terlepas daripada pemerhatian. Selama ini, kerajaan sudah kerap bertolak-ansur tetapi ia tidak harus disalahertikan sebagai kebebasan untuk meniupkan api perkauman.

Kebebasan juga harus ada pertimbangannya dan hendaklah ditangani dengan berhati-hati bagi mengelakkan bertunasnya bibit-bibit permusuhan antara kaum. Keputusan mesyuarat agung luar biasa MCA semalam yang meluluskan pengambilalihan saham Nanyang Press Holdings Bhd (Nanyang Press) oleh Huaren Holdings Bhd (Huaren), meskipun dengan majoriti kecil, menunjukkan bukan keseluruhan masyarakat Cina yang menyukai keutamaan laporan kedua-dua akhbar berkenaan selama ini. Akhbar lain yang lebih bertanggungjawab dalam pendekatannya tidak bermakna sudah hilang kebebasan. Semangat daripada keputusan mesyuarat agung luar biasa MCA itu hendaklah dihayati andainya keharmonian kaum mahu dipastikan terpelihara.

(END)